

16/10/2001

Belanjawan 2002 perkukuh ekonomi negara

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan di Parlimen Jumaat ini akan memberikan tumpuan kepada mempertahankan kedudukan ekonomi Malaysia melalui tindakan fiskal, kata Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, peranan rakyat ialah mereka perlu menyokong usaha kerajaan serta bersedia untuk menghadapi kemelesetan ekonomi.

"Kerajaan yakin dengan kepelbagaian dalam kegiatan ekonomi negara, Malaysia tidak akan merasakan penurunan ekonomi sebagaimana dirasai oleh sesetengah negara yang bergantung kepada satu dua punca pendapatan sahaja.

"Oleh itu, rakyat perlu bertindak dengan bijak dan bersedia untuk menghadapi kemelesetan ekonomi, sementara kerajaan bertindak dengan cara menghalang kesan menyeluruh ke atas ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan Khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan RTM malam ini. Dalam rancangan itu, Dr Mahathir ditemu ramah mengenai kesan serangan 11 September di Amerika Syarikat terhadap ekonomi, politik dan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, antara perkara yang boleh dilakukan rakyat ialah dengan berbelanja lebih di dalam negeri dan jangan terlalu mengekang perbelanjaan atau terlalu menabung kerana ini akan memberi masalah kepada peruncit, pembekal dan juga pekerja kilang.

"Sebab itu kita meminta supaya dalam masa ini yakinlah keadaan kita akan pulih di masa hadapan. Dengan itu kita berbelanja wang yang ada pada kita dalam negara.

"Janganlah kita bawa wang kita pergi ke luar negara, pergi melancong ke luar negara. Kalau nak pergi ke Langkawi, Alhamdulillah, tetapi kalau bawa duit kita ke luar negara kita akan menghadapi masalah," katanya.

Ditanya mengenai kesan serangan di Amerika itu terhadap ekonomi negara, Dr Mahathir berkata:

"Kesannya tentulah banyak kerana rakan dagangan kita menghadapi masalah. Mereka tidak akan membeli barangan kita. Bukan sahaja Amerika, mereka yang mempunyai hubungan ekonomi dengan Amerika juga, ekonominya akan terjejas.

"Jadi, pasaran bagi barangan Malaysia akan menguncup dan ini menyebabkan penurunan ekonomi tetapi ia sedikit-sebanyak boleh ditangani oleh tindakan dalaman dan dengan kerjasama rakyat supaya kesannya tidaklah sebegitu."

Ditanya sama ada pakej rangsangan fiskal bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini boleh mengatasi masalah ekonomi, Dr Mahathir berkata ia sedikit sebanyak boleh mengatasi masalah, tetapi tidak sepenuhnya kerana kemampuan kerajaan juga terhad.

"Kita tidak boleh belanja terlalu banyak sehingga kita berhutang kepada pihak-pihak lain dan ini akan melemahkan kita," katanya.

Mengenai sektor pelancongan, beliau berkata jumlah pelancong dari Amerika dan Eropah mungkin berkurangan, tetapi mereka bukanlah kumpulan pelancong terbesar yang melawat negara ini.

"Pelancong yang datang ke Malaysia adalah dari Asean, Jepun, China, India dan kita masih mampu menarik pelancong-pelancong ini dan baru-baru ini kita lihat ramai pelancong Arab berminat untuk datang ke Malaysia," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mahu umat Islam bersama-sama membangunkan Malaysia supaya menjadi negara maju yang lebih berpengaruh di arena antarabangsa, bukannya melakukan demonstrasi dan membakar bendera.

Beliau berkata, pendekatan itulah yang diambil kerajaan sekarang dan ia

adalah satu jihad. Ini kerana apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju, tekanan ke atasnya berkurangan.

"Ini adalah lebih baik daripada cuba berperang nak melawan musuh-musuh kita atau hantar orang kita berperang yang mana kita tidak tahu boleh menang. Kalau kita jadi negara maju, bukan sahaja kita boleh menang tapi orang tidak akan menekan kita.

"Demonstrasi ini (di dalam negara) amat menyedihkan kerana ia tak dapat menangkis sesuatu serangan ke atas orang Islam. Mereka hanya mampu berdemonstrasi. Ini menunjukkan kelemahan kita. Tak boleh buat apa-apa," katanya.

Mengenai saranan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang membayangkan Perdana Menteri tidak menyokong jihad malah menghina jihad apabila kerajaan menangkap anaknya Nik Adli mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata tindakan ISA itu hanya dikenakan apabila anak Nik Aziz balik ke sini.

"Ketika dia berjihad di Afghanistan, kita tak tangkap dia tetapi apabila dia balik ke sini dengan niat tumbangkan kerajaan dengan mengguna kekerasan. Dia ditahan kerana tindakan itu akan menyebabkan Malaysia menjadi lemah kerana perpecahan, rusuhan," katanya.

Mengenai ISA yang dikecam Barat selama ini tetapi kini mula diterima setelah tragedi 11 September lalu, Perdana Menteri berkata ini berlaku apabila timbul kesedaran.

Katanya, Amerika atau mana-mana negara apabila berada dalam keadaan tidak selamat, akan menganggap tindakan untuk menyelamatkan orang yang tidak selamat seperti Malaysia lakukan dulu sebagai satu tekanan serta penindasan.

Dr Mahathir juga mahu Amerika menghormati hak Malaysia membuat pendirian tertentu, walaupun ia menyebabkan wujud perbezaan pendapat antara kedua-dua negara.

(END)